

Global Stem Youth Mind Quest Gegar MIST'24, Serlahkan Kebijaksanaan Mahasiswa UPSI



Tanjong Malim, 11 Oktober - Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sekali lagi menyaksikan program akademik berprestij apabila Persatuan Mahasiswa Sains (PMS) menganjurkan Global STEM Youth Mind Quest bersempena Muallim International Science, Technology, Innovation, Mathematics, and Sustainable Fiesta 2024 (MIST'24). Program kuiz yang mendapat sambutan hangat ini menjadi medan penting bagi mahasiswa untuk menguji kecerdasan intelektual dan ketajaman pemahaman mereka dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM).

Program ini menggunakan format kuiz bersemuka yang dinamik, di mana para peserta menjawab soalan melalui platform Quizziz dengan kesemua soalan dipaparkan di skrin pentas utama. Kuiz yang berlangsung selama satu jam ini mengandungi 40 soalan merentas lima elemen utama STEM. Setiap elemen menawarkan tiga tahap kesukaran yang berbeza- senang, sederhana, dan sukar - sekaligus memberikan cabaran intelektual yang menyeluruh kepada peserta. Persiapan bagi kuiz ini dimulai dengan proses penyediaan soalan yang dikendalikan oleh unit aktiviti program, yang telah mengatur soalnya dengan teliti

berdasarkan kandungan ilmiah yang relevan dan terkini.

Soalan-soalan tersebut kemudiannya disemak dan ditaksir oleh panel pentaksir, yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UPSI yang berpengalaman luas. Pendekatan ini memastikan setiap soalan yang diajukan mencapai standard akademik tertinggi, menjadikan program ini sebuah pentas pertarungan intelektual yang mencabar.

Pertandingan ini menyaksikan persaingan sengit antara peserta yang bertanding secara individu, disaksikan oleh pelajar-pelajar UPSI dan ahli akademik. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Sains dan Matematik, Dr. Mohd Ikhwan Yaacob; Pengarah Program Utama MIST'24, ChM. Dr. Siti Nur Akmar Mohd Yazid; Zahid Mat Said dan ChM. Dr. Mohamad Idris Saidin selaku penasihat Persatuan Mahasiswa Sains, UPSI. Kesungguhan para peserta dapat dilihat apabila sepanjang program ini, dan mereka menerima sorakan gemuruh daripada hadirin yang hadir untuk menyaksikan kehebatan mahasiswa UPSI dalam menguasai pelbagai cabang ilmu. Program MIST'24: Global STEM Youth Mind Quest ini telah memberi impak yang mendalam kepada para peserta dan penonton. Ramai yang memberikan maklum balas positif, menyatakan bahawa program ini berjaya membuka ruang kepada mahasiswa untuk mendalami ilmu STEM dengan lebih interaktif. Siti Salihah, salah seorang peserta menyatakan, "Program ini sangat terbaik dan memberi impak besar. Saya harap ia dapat diteruskan pada masa akan datang."



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI, BDO Malaysia Meterai MoU, Kukuhkan Hubungan Industri Bidang Perakaunan

Tanjong Malim, 11 Oktober - Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), para pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan bukan sahaja diberikan ilmu pengetahuan melalui pengajaran dan pembelajaran semata-mata malah, turut diberikan pendedahan yang lebih meluas dan terperinci melalui hubungan erat bersama pihak industri.

Jalinan industri ini mampu memperkukuhkan lagi program perakaunan di UPSI agar sesuai dengan kehendak

dan keperluan industri di dalam bidang perakaunan pada masa kini.

Oleh itu, Jabatan Perakaunan dan Kewangan (JPK) di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama BDO Malaysia bagi merealisasikan tujuan penubuhan fakulti iaitu "Leading Future Minds" dalam mendidik para pelajar menjadi pemimpin yang berketerampilan dimasa hadapan.

BDO Malaysia merupakan firma diperingkat antarabangsa yang mempunyai rangkaian firma profesional kelima terbesar di dunia. BDO menyediakan perkhidmatan Audit & Assurance, Advisory Services, Business Services & Outsourcing, dan Tax Services kepada perniagaan daripada konglomerat multinasional dan organisasi berorientasikan pertumbuhan, sama ada awam atau swasta.



Pusat ICT, UPSI Manfaatkan Teknologi Menerusi Pembangunan Pusat Data Utama

Tanjong Malim, 7 Oktober - Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff hadir merasmikan Pusat Data Utama UPSI di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini.

Beliau berkata, pembangunan Pusat Data Utama, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang berkeluasan 2,970 kaki persegi itu merupakan salah satu petunjuk prestasi dalam Pelan Strategik UPSI 2021-2025 di bawah teras 6

Kelestarian Ekosistem. "Pusat Data Utama yang dilengkapi dengan kemudahan bilik server, bilik operasi, bilik persediaan & perbincangan dan bilik mekanikal & elektrik ini dapat menyediakan keluasan ruang lantai yang mencukupi bagi menampung keperluan sumber pengkomputeran UPSI sehingga 20 tahun mendatang.

"Melalui pengoperasian Pusat Data yang memenuhi piawaian bagi pensijilan ISO/IEC 27001:2022 bakal membantu melonjakkan tahap

keyakinan warga UPSI serta pelanggan luar terhadap keselamatan perkhidmatan pengkomputeran dan perkhidmatan digital UPSI.

Jelasnya, Pusat Data Utama ini menggunakan rekabentuk data 'Aisle Containment' dengan teknologi operasi cekap tenaga bagi penjimatan penggunaan tenaga sehingga 27 peratus yang pasti menjadi penanda aras baharu dalam keberkesanan penggunaan tenaga.



Perbincangan antara Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia Bersama UPSI Mengenai Kajian dalam Urusan Pilihan Raya

Tanjong Malim, 10 Oktober - Perbincangan antara dua pihak ini berkisar tentang Mengukuhkan hubungan kerjasama antara SPR dan UPSI

dalam pelaksanaan kajian berkaitan pilihanraya, membincangkan cadangan penyelidikan oleh penyelidik UPSI, menyelaraskan

langkah-langkah untuk memulakan kerjasama dan yang terakhir mendapatkan maklum balas dan persetujuan bersama berkenaan inisiatif kerjasama.

